



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HANSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS MAKAN MALAM KETUA  
SETIAUSAHA NEGARA BERSAMA  
PESERTA KURSUS DIPLOMA  
PENGURUSAN AWAM BIL. 1/2012**

**17 DISEMBER 2012 (ISNIN)  
8.30 MALAM  
DEWAN SERBAGUNA, INTAN BUKIT  
KIARA**

*Bismillahir rahmanir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*  
dan salam sejahtera.

Saudara dan saudari pengerusi majlis;

YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Operasi);

YBhg. Dato' Dr. Halim Man

Pengarah INTAN;

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-  
puan; dan

Saudara-saudari para Pegawai PTD Muda  
sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya saya dapat bersama saudara-saudari pada malam yang berbahagia ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada INTAN kerana menjemput saya ke **Majlis Makan Malam** ini yang merupakan **acara kemuncak** bagi **Kursus Diploma Pengurusan Awam** yang telah saudara-saudari lalui sejak bulan Jun lalu. Pertemuan pada kali ini memberi satu lagi **kesempatan yang berharga** kepada saya untuk **berkongsi amanat** bersama saudara-saudari sekalian.

## **PTD SELAKU THINKERS, PLANNERS AND IMPLEMENTERS**

Para Pegawai PTD Muda sekalian.

2. Tema Majlis pada malam ini “**Meniti Awan, Menggapai Bintang**” telah menarik minat saya. Ia memberi gambaran bahawa saudara-saudari telahpun **bersedia untuk memberikan yang terbaik bagi memenuhi ekspektasi rakyat** yang semakin meningkat. Suka saya mengingatkan bahawa di sebalik perasaan bangga dan lega kerana mampu menghabiskan kursus selama enam bulan ini, persoalan yang akan dipertanggungjawabkan di bahu saudara-saudari adalah sungguh berat – Sejauh manakah saudara-saudari mampu untuk **mengadaptasi serta mempraktikkan segala ilmu dan pengalaman** yang telah diperolehi dengan

sebaik-baiknya? ***How do you put the lessons learnt thus far into practice and reality when you re-enter your working environment once again?***

3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengajak saudara-saudari untuk **bersama-sama menjadi *change agents* dan *thinking partners***. Demi seruan untuk **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**, saya menjemput para pegawai yang berada di hadapan saya ini untuk menjadi ***thinkers, planners and implementers*** dalam urusan perkhidmatan awam yang semakin mencabar. Ini kerana rakyat Malaysia pada masa kini jauh berbeza daripada rakyat Malaysia pada masa yang lalu. Kini, rakyat Malaysia merupakan masyarakat yang pantas dan cekap dalam proses menganalisa masalah dan isu. Rakyat Malaysia kini lebih kritikal dan kritis. Oleh yang demikian,

Kerajaan perlu **sentiasa terbuka** kepada *feedback* daripada rakyat, sama ada yang berbentuk positif atau negatif – kita perlu **sentiasa ingin berubah dan memperbaiki perkhidmatan kami**.

## **SEJARAH KECEMERLANGAN PTD**

Saudara-Saudari sekalian.

4. Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang dulunya dikenali sebagai *Malayan Civil Service* atau MCS telah diberikan kepercayaan untuk menjawat **jawatan utama dan strategik dalam pentadbiran negara**. Kepercayaan ini adalah berdasarkan kepada kewibawaan dan **tradisi kecemerlangan** pegawai PTD yang berwibawa seperti YABhg. Tun Kadir Shamsuddin, YABhg. Tun Raja Mohar, YABhg.

Tun Ahmad Sarji dan sebagainya. Kepercayaan ini telah meletakkan PTD sebagai **skim perkhidmatan yang *premier*** dan kadang-kadang dicemburui oleh penjawat awam yang lain.

5. Sebagai pegawai PTD yang diberikan kepercayaan serta menjadi harapan Kerajaan untuk menerajui sektor awam, adalah menjadi tanggungjawab saudara-saudari semua untuk **tidak mensia-siakan kepercayaan serta tanggungjawab** yang diberikan ini. Saya amat berharap agar saudara-saudari **tidak terbuai-buai dengan pencapaian masa lalu**. Sistem pentadbiran perkhidmatan awam pada masa kini amatlah kompetitif dan mempunyai daya saing yang tinggi. Saudara-saudari perlu **berlumba serta bersedia** agar kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada dapat dipertingkatkan lagi bagi **memenuhi ekspektasi** pemimpin dan rakyat yang

semakin meningkat. Kita perlu tabah dalam menghadapi apa jua cabaran yang kita hadapi semasa berkhidmat untuk negara.

## **PTD PERLU KEKAL RELEVAN**

6. Adakah tradisi kecemerlangan pegawai-pegawai PTD serta kepercayaan pimpinan tertinggi negara kepada pegawai PTD dapat dikekalkan? Jawapannya bergantung kepada sejauh manakah pegawai PTD akan kekal relevan dalam lanskap perkhidmatan awam negara yang kini berhadapan dengan pengalaman luas serta ekspektasi tinggi terhadap penjawat awam dalam penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery*).

7. Saudara-saudari tidak seharusnya merasa selesa kerana berada dalam skim perkhidmatan yang *premier* ini, bahkan perlu **sentiasa bersikap terbuka untuk bersaing** dengan para penjawat awam dari skim perkhidmatan yang lain. Saya suka mengingatkan bahawa jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam, termasuk jawatan KSN juga, adalah terbuka kepada mana-mana skim perkhidmatan yang menunjukkan kemampuan. ***Do not take anything for granted.***

8. Pegawai PTD perlu memikul tanggungjawab yang berat serta memainkan peranan yang penting dalam memenuhi ekspektasi barisan pimpinan negara serta rakyat untuk **kekal relevan dalam perkhidmatan awam**. Dalam hubungan ini, saudara-saudari yang telah memilih untuk berkhidmat sebagai pegawai PTD perlu **mengupayakan diri dengan ilmu pengetahuan,**

**kemahiran serta mendapatkan pengalaman dan pendedahan yang pelbagai.** Walau bagaimanapun, yang paling penting adalah **perubahan daripada segi *mindset*** yang menentukan cara kita bekerja dan melaksanakan tugas. *In the next 20 years, you will take on the **helm of leadership**. What would be the economic, social and political challenges for the country be like then? What would be the role of the Government of the day? And would our competencies help us cope with those demands? We should demonstrate our resilience in **equipping ourselves** with relevant knowledge and skills to deliver services and undertake responsibilities in a fast changing and complex environment.*

9. Pihak Kerajaan telah mengamanahkan jawatan dan tanggungjawab ini kepada anda semua dan saya berharap saudara-saudari tidak menghampakan pengiktirafan yang telah diberikan ini. Saya mahu saudara-saudari merasa bangga dengan perkhidmatan ini dan seterusnya **meneruskan kecemerlangan** untuk menzahirkan rasa bangga tersebut.

## **KONSEP KERJA SEBAGAI IBADAH, CTI DAN PCI**

Saudara-saudari sekalian.

10. YAB Perdana Menteri telah menggariskan prinsip-prinsip **CTI (Cepat, Tepat, Integriti)** dan **PCI (Produktif, Kreatif dan Inovasi)** untuk **diteladani** oleh penjawat awam dalam

memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam.

11. Saya suka mengingatkan para pegawai PTD muda sekalian terhadap **konsep kerja sebagai suatu ibadah**. Pegawai-pegawai PTD memegang jawatan di semua kementerian, termasuk di negeri dan kerajaan tempatan. Kita juga berkhidmat dalam **pelbagai bidang pengkhususan** – dari pengurusan sumber manusia dan kewangan ke keselamatan dan pertahanan negara, pengurusan teknologi maklumat dan kerajaan tempatan. Di mana jua kita ditempatkan, kita perlu memahami bidang tugas kita dengan cepat dan menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan. Kita seharusnya bekerja dengan perasaan yang **jujur, ikhlas dan amanah** agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. Tanggungjawab yang dipikul ini haruslah diselami

dengan **sifat rendah diri** dan bukannya dilakukan semata-mata kerana wang ringgit, pangkat ataupun nama. Penghayatan terhadap konsep bekerja sebagai satu ibadah akan melahirkan keseronokan dalam melakukan tanggungjawab yang diamanahkan demi menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Sekiranya sesuatu kerja itu dianggap sebagai suatu ibadah, ianya tidak akan menjadi sesuatu yang membebankan atau membosankan. Penerimaan hakikat ini akan pastinya mendatangkan **kepuasan kerja** serta **semangat** untuk terus menjalankan tugas dan sekaligus menghasilkan *output* yang berfaedah dan optimum.

12. Sejak saya mula bertugas sebagai Ketua Setiausaha Negara, saya telah menerima banyak e-mel dan surat daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional. Antara aduan yang kerap saya

terima ialah daripada pegawai yang mengadu selepas menerima teguran daripada pegawai atasan mereka. Saudara-saudari sekalian harus **menerima teguran** sebegini **secara professional** dan mengambilnya sebagai satu **peluang untuk memperbaiki** diri. Saudara-saudari harus **resilient** dalam menjalankan **tugasan** masing-masing. *We must be willing to give our best. We must learn to surmount challenges.*

## **HASRAT DAN HARAPAN**

13. Saya ingin mengucapkan **selamat bertugas** di kementerian, jabatan dan juga agensi di mana saudara-saudari akan ditempatkan kelak. Dengan tamatnya kursus Diploma Pengurusan Awam ini, maka terletaklah harapan rakyat yang amat besar di atas bahu saudara-saudari sekalian. Saudara-saudari tidak dapat lari dari berperanan sebagai

**pencetus dan pemangkin kecemerlangan perkhidmatan awam** pada masa kini dan di hari-hari mendatang. Saya suka mengingatkan yang tuan-tuan dan puan-puan adalah ibarat **benih yang telah disemai dengan penuh teliti dan dedikasi**, dan rakyat mengharapkan sesuatu yang baik bakal dituai dari perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan kelak.

14. *The captain of a ship does not want to see his ship anchored in the comforts of the harbour. The ship is built to sail the oceans, even to face the storms, if need be. Likewise, we should now **be ready to sail the oceans**. We should be ready to **bring about necessary changes and improvements** to work processes and systems. We should relook at problems with new eyes and prepare new and better solutions to problems and dilemmas.* Kita harus **berani** untuk melakukan

perubahan dan penambahbaikan demi kepentingan perkhidmatan awam dan negara.

15. Marilah kita memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga kita diberikan kekuatan untuk sama-sama memperbaiki diri dan memperkasa perkhidmatan PTD demi kelangsungan negara kita. Mudah-mudahan segala usaha murni kita akan diberkati oleh Allah SWT. Saya yakin dan percaya saudara-saudari sekalian akan dapat berkhidmat kepada negara dengan penuh **profesionalisme, adil** dan, yang paling penting, **berintegriti** demi merealisasikan hasrat dan janji perkhidmatan awam demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara. Semoga segala cabaran yang telah diharungi dan ilmu yang telah dipelajari sepanjang kursus ini menjadi inspirasi kepada saudara-saudari untuk terus bekerja demi kemajuan perkhidmatan, bangsa dan negara.

## **PENUTUP**

16. Mengambil kesempatan pada malam yang gilang-gemilang ini, saya ingin **mengucapkan tahniah** kepada INTAN dan pegawai-pegawainya yang saban tahun tanpa jemu dan penuh dedikasi melatih, mendidik dan membentuk pemangkin skim perkhidmatan yang *premier* ini melalui kursus DPA.

17. Tidak lupa juga rakan strategik INTAN yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan latihan dan tunjuk ajar kepada peserta kursus DPA Bil. 1/2012 melalui modul-modul yang telah diatitkan. Agensi-agensi yang terlibat adalah:

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;
- Bahagian Pasukan Simpanan, Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
- Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR);
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM);
- Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM);
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN);
- Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD); dan
- *Outward Bound* Malaysia Lumut (OBML).

Semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

18. Harapan serta pesanan saya buat saudara-saudari Pegawai Muda PTD sekalian ialah agar anda semua dapat **menyambung warisan kecemerlangan dan meneruskan kesinambungan usaha pemantapan Perkhidmatan Awam.**

Sekian. *Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*